

# **Peranan Mufti dalam Pentadbiran Kerajaan Johor**

## **Satu tinjauan dalam Era Imperialisme British, 1885-1941**

**Noorilham Ismail dan Muhamad Hasrul Zakariah**

### **Abstrak**

Kertas kerja ini menganalisis peranan yang dimainkan oleh barisan mufti Johor dalam pentadbiran negeri antara 1885-1941. Tempoh masa ini bermula dengan Perjanjian Persahabatan Inggeris-Johor 1885 hingga kedatangan Jepun pada 1941 yang melibatkan era imperialisme British dari campur tangan secara tidak langsung sehingga kepada peletakan seorang residen sebagai penasihat Sultan Ibrahim. Perbentangan ini merangkumi zaman empat orang mufti iaitu Dato' Syed Salim bin Abdullah Alattas, Dato' Abdullah bin Musa, Syed 'Abd Qadir bin Muhsin Al-'Attas dan Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad. Pembentangan ini memberi perhatian kepada dasar pentadbiran negeri Johor yang melibatkan kuasa mufti dari segi politik, ekonomi dan sosial. Kerajaan negeri Johor menerima pengaruh daripada idea-idea mufti bermula dengan penggubalan Undang Tubuh Kerajaan Johor, pengurusan ekonomi sehingga kepada penggubalan dasar pendidikan bagi mengekang dan mengimbangi imperialisme British terhadap negeri Johor.

**Kata kunci:** mufti Johor, Undang Tubuh, pengurusan ekonomi, dasar pendidikan, imperialisme British.

### **Pengenalan**

Isu berkaitan imperialisme British di Johor sememangnya menimbulkan banyak perdebatan dalam kalangan sarjana. Perbincangan tersebut tidak terhad kepada sarjana tempatan tetapi turut melibatkan sarjana Barat seperti Keirth Sinclair dan Rupert Emerson. Dalam konteks kedudukan agama Islam pula imperialisme British sering dilihat sebagai satu gelombang untuk mengancam kedudukan agama Islam. Dalam hal ini, peranan Jabatan Agama Islam Johor khususnya barisan mufti telah memainkan peranan penting untuk mendepani perkara tersebut. Sepanjang tempoh 1885-1941, pentadbiran institusi mufti Johor telah diterajui oleh empat orang individu iaitu Dato' Syed Salim bin Abdullah Alattas, Dato' Abdullah bin Musa, Syed 'Abd Qadir bin Muhsin Al-'Attas, dan Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad. Dari satu sudut, usaha para mufti ini sedikit sebanyak telah berjaya mengimbangi impak daripada gelombang imperialisme British itu. Justeru, peranan para mufti ini perlu dilihat pada kaca mata yang lebih terperinci dan objektif supaya peranan mereka dalam mempertahankan agama Islam di Johor tidak terpisah dari pentas sejarah.

### **Kedudukan Mufti Johor Dalam Lapangan Politik Pada Era Imperialisme British 1885-1941**

#### **Peranan Mufti Johor sebagai Anggota Majlis Mesyuarat Negeri 1885-1941**

Pembentukan ahli mesyuarat negeri seawal tahun 1873, membuktikan Johor bersedia ke arah pemodenan. Pelbagai tugas telah dirangka dengan melibatkan aspek pengurusan kerajaan pusat sehingga ke peringkat daerah. Usaha tersebut bertujuan membentuk satu organisasi pentadbiran yang sistematik demi mewujudkan sebuah negeri yang maju. Tindakan tersebut menyebabkan pihak British tidak mempunyai alasan untuk menguasai pentadbiran Johor sehingga tahun 1914 sewaktu pemerintahan Sultan Ibrahim. Sesuatu yang menarik dalam keanggotaan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri ini adalah kedudukan mufti<sup>1</sup> dengan Dato' Syed Salim Abdulah Alattas menjadi sebahagian daripada ahli Majlis Mesyuarat Negeri sewaktu zaman pemerintahan Maharaja Abu Bakar. Pada ketika itu, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memegang jawatan hakim besar Johor menjelang tahun 1889. Beliau telah menjadi sebahagian daripada watak penting di sebalik pengisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1895. Idea-idea Syed Salim Abdullah Alattas dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dapat dilihat dalam fasal-fasal yang berkaitan agama Islam.<sup>2</sup>

Hal ini demikian kerana, prinsip yang terkandung dalam fasal tersebut memerlukan pandangan dan buah fikiran daripada seorang yang arif dalam perkara berkaitan hal ehwal agama Islam.

Perkara berkaitan agama Islam dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor terlihat dalam fasal 40 dan 57. Perkara tersebut memperlihatkan peri pentingnya agama Islam sebagai elemen yang signifikan dalam struktur pentadbiran kerajaan Johor ketika itu. Kedudukan agama Islam itu dinyatakan dalam fasal 57 seperti berikut:

Adalah yang dikatakan "agama negeri" dan jajahan Kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selamanya menjadi dan diaku dan disebut sebagai "agama negeri" yakni tiadalah sekali-sekali boleh sebarang agama lain. Dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamakan dalam segala segenap daerah takluk kerajaan Johor yang beragamakan ia.<sup>3</sup>

Penjelasan tersebut diperkuatkan lagi pada fasal sebelumnya iaitu fasal 40 yang menyatakan bahawa:

Berbuat satu kesalahan yang berat dosanya pada hukum syariat atau pada undang-undang negeri atau pada pertimbangan istiadat kehormat dan yang telah didapati dengan cukup siasat telah terang didapati ia berdosa iaitu menderhaka atau cuba hendak menderhaka kepada Raja atau kerajaan atau membunuh orang atau merompak dan menyamun atau cuba berbuat sesuatu

---

<sup>1</sup> A. Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1988), hlm. 90.

<sup>2</sup> t.t. *Sejarah Perkembangan Jabatan dan Majlis Agama Islam Johor*. Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>3</sup> J/PU 3: *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*. Lihat, Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957." Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2014. hlm. 110. Lihat juga, A. Fawzi Basri, "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan dan Persuratan". Dalam, Zainal Abidin Borhan et al. (Penyunting). *Warisan Persuratan Johor II Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*, (Johor: Yayasan Warisan Johor, 1999), hlm. 60.

daripada itu atau makan suap atau cuba hendak menyuap atau suatu lain perbuatan yang jahat dan berdosa pada hukum Allah dan hukum negeri.<sup>4</sup>

Tindakan tersebut menunjukkan usaha gigih para pentadbir Johor khususnya mufti dalam mendepani ancaman imperialisme British. Hal ini demikian kerana, tahun 1895 ketika Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor itu dimasyhurkan, arus imperialisme British sedang hebat melanda negeri-negeri Melayu. Oleh sebab itu, usaha untuk meletakkan agama Islam di dalam fasal-fasal Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor menjadi satu kemestian. Meskipun penyediaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini bukanlah penentu mutlak kejayaan kerajaan Johor, tetapi setidaknya-tidaknya, undang-undang itu dapat melengahkan kemaraan pihak British. Tegasnya, gabungan pemikiran intelek Johor khususnya mufti telah berjaya membentuk identiti yang signifikan pada kerajaan Johor yang merdeka ketika itu.

### **Peranan Mufti Dalam Protokol Rasmi Diraja Johor 1885-1941**

Selain daripada bertindak di atas jawatan dan peranan sebagaimana yang disebutkan, Syed „Abd Qadir juga bertanggungjawab sebagai penyelaras doa ulang tahun bagi Sultan Johor. Bidang kuasa yang dijalankan ini tertakluk di bawah kuat kuasa bahagian IV, bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja yang menentukan tugas mufti iaitu:

Timbangkan hal-hal berkenaan dengan kerja agama dan perhatikan yang dilakukan dengan munasabah dalam hal yang kena mengena dengan istiadat yang terharus serta pula menimbangkan hal-hal berkenaan dengan pelajaran agama atas kerabat-kerabat Yang Maha Mulia dan Istana dan lagi melihat makam-makam, sedekah dan lain-lain khairat... dalam Majlis Raja menyediakan dan membaca doa.<sup>5</sup>

Petikan di atas telah menyenaraikan tugasan yang wajib di lakukan oleh mufti. Selain daripada bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugasan yang membabitkan hukum syarak, urusan pendidikan Islam, mufti yang diwajibkan untuk menyediakan doa khusus kepada Sultan yang mentadbir. Perlaksanaan ini menunjukkan pengiktirafan dan rasa hormat sultan terhadap kredibiliti Syed ‘Abd Qadir. Malah, keadaan ini juga menunjukkan keutamaan Sultan Ibrahim mendahului syariat Islam dalam perlaksanaan undang-undang pentadbiran baginda. Menariknya, dalam setiap surat lantikan baginda Sultan Ibrahim kepada pembesar dan pentadbir negeri Johor terteranya muqadimah dan persetiaannya dengan Allah s.w.t. Perlaksanaan bagi mengadakan bacaan doa ulang tahun ini menunjukkan unsur-unsur ajaran Islam dan persetiaan kepada Allah s.w.t. menguruskan sebuah negeri seperti Johor.<sup>6</sup>

### **Peranan Mufti Sebagai Pentadbir Hal Ehwal Agama Islam di Johor 1885-1941**

<sup>4</sup> J/PU 3 : *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*. Lihat, Muhammad Izuan Abdul Rahman, “Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957”, hlm. 110.

<sup>5</sup> J/MB 1: *Doa Bagi Bangsa Johor*. Hlm. 6-55. Lihat juga, Mardiana Nordin, 2009. “Sistem Penggantian Kesultanan Johor”. Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 61.

<sup>6</sup> J/UG 11/29: *Penyata yang Berkenaan dengan Perkara-perkara Agama Bagi Tahun 1929*. Lihat juga Abdul Rahim Ramli, 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press, hlm. 50.



Dalam aspek pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor, peranan mufti menjadi nadi penting dalam memastikan bahawa urusan pentadbirannya bergerak secara berkesan. Keadaan tersebut penting kerana arus imperialisme British sentiasa cenderung untuk mengubah corak negeri yang menerima pengaruhnya. Situasi tersebut mendorong kerajaan Johor pada ketika itu untuk membentuk satu bentuk pengurusan pentadbiran khususnya dalam pentadbiran agama Islam supaya tidak dimanipulasi oleh pihak British. Dalam masa yang sama, pentadbiran agama Islam ini membawa satu impak positif untuk menyelesaikan kemaslahatan pihak pentadbiran secara amnya dan rakyat Johor secara khususnya. Untuk memahami peranan mufti Johor dalam pentadbiran agama Islam ini, kita perlu melihat peruntukan bidang tugas mereka dalam organisasi Jabatan Agama Islam Johor yang wujud pada tempoh tersebut. Perkara tersebut penting kerana dari tempoh 1885 sehingga 1941, Johor sememangnya hebat diasak oleh gelora imperialisme British khususnya dalam bentuk kawalan politik. Oleh hal yang demikian, penyediaan subbidang tugas kepada mufti setidaknya berupaya untuk mengimbangi pengaruh British tersebut. Antara peranan mufti dalam pentadbiran agama Islam Johor adalah seperti Hakim Mahkamah Syariah, Naib Yang Dipertua Majlis Agama, Penyelesai Masalah Fiqh Berdasarkan Mazhab Syafii, Penyelaras Doa Ulang Tahun Sultan Johor, Pemeriksa Jawatan Qadi, Naib Qadi dan Imam dan Penulis Khutbah Jumaat.<sup>7</sup>

Dalam aspek tugas sebagai Hakim Mahkamah Syariah, peranan mufti sememangnya penting dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan agama Islam. kewujudan jawatan Hakim Mahkamah Syariah sebagai salah satu subbidang kuasa mufti dikenal pasti bermula seawal tahun 1889 dengan bergelar pengapit hakim di Mahkamah Tinggi di Johor. Sewaktu tugas ini dipertanggungjawabkan kepada Syed 'Abd Qadir, beliau bertindak sebagai pengapit hakim dalam perbicaraan-perbicaraan yang dijalankan oleh mahkamah, yang bertanggungjawab dalam menjawab dan meneliti persoalan-persoalan yang tidak mampu diselesaikan oleh pihak pentadbiran mahkamah.<sup>8</sup> Perjalanan undang-undang dan pentadbiran mahkamah pada ketika itu jelas menitikberatkan lunas-lunas dan prinsip perundangan Islam. Meskipun tugas sebagai pengapit Hakim berjalan lancar sejak mula ditubuhkan, tetapi pengaruh beliau sebagai Hakim di dalam Mahkamah Syariah mulai merosot dengan pengambil alihan kuasa mahkamah oleh General Advisor British mulai 1914. Maka, disebabkan faktor tersebut, rekod mengenai penglibatan Syed 'Abd Qadir sebagai pengapit Hakim Mahkamah tidak lagi kelihatan.

Sebagaimana yang disebut dalam senarai tugas tadi, Syed 'Abd Qadir juga bertindak sebagai pemeriksa calon-calon yang bakal dilantik ke jawatan Qadi, naib Qadi, dan imam kampung. Pemeriksaan dan temu duga ini dianggap penting supaya setiap calon yang dilantik berkecualan dalam hal ehwal perundangan Islam. Ia secara tidak langsung membantu kelancaran proses kehakiman dan pentadbiran agama supaya dapat berjalan dengan baik dan sistematik. Bagi mendapatkan calon-calon yang terbaik dan layak bagi menjawat jawatan-jawatan dalam membantu pentadbiran kerajaan, Syed 'Abd Qadir mengambil tanggungjawab melantik mereka yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Antara keutamaan yang digariskan adalah setiap calon yang layak, wajib menguasai hal ehwal

<sup>7</sup> J/UG 11/29: Penyata yang Berkenaan dengan Perkara-perkara Agama Bagi Tahun 1929.

<sup>8</sup> J/SUK: Setiausaha Kerajaan Johor.



perkahwinan seperti rukun nikah, syarat-syarat perkahwinan, berapa mahram pihak nasab, syarat-syarat wali, syarat ijab dan kabul dan lain-lain, kefahaman dalam isu-isu fardu ain, tauhid dan fiqh ibadat. Setiap calon yang menghadiri temuduga ini akan diuji berdasarkan 71 soalan yang pelbagai, yang mana soalan-soalan terbabit disediakan oleh Syed 'Abd Qadir sendiri.<sup>9</sup>

## **Kedudukan Mufti Johor Dalam Lapangan Ekonomi Pada Era Imperialisme British 1885-1941**

### **Penterjemahan *Majalah Ahkam Al-Adliyyah* oleh Mufti Johor 1885-1941**

Sewaktu Syed 'Abd Qadir bin Muhsin al-Attas berkhidmat dalam pentadbiran agama di Johor pada 1909-1933, negeri ini diperintah oleh Sultan Ibrahim. Sewaktu di bawah pemerintahan baginda, Johor mulai menerima penasihat British iaitu bermula pada 1910. Johor ketika itu mengamalkan undang-undang Islam yang bercampur dengan undang-undang adat sehingga tahun 1908. Peristiwa tersebut memaksa Johor menerima undang-undang Inggeris, dengan kuasa yang ada mencuba sedaya upaya mengetepikan pelaksanaan undang-undang Islam.

Bagi menjaga kemurnian agama Islam sebagai agama rasmi negeri Johor, baginda melalui kuasa yang dimilikinya memerintah dan meletakkan amanah yang besar kepada Syed 'Abd Qadir yang bukan hanya bertindak sebagai mufti, bahkan sebagai penasihat undang-undang agama Islam kerajaan Johor. Usaha ini dapat dilihat apabila sultan Ibrahim mengambil *Majalah Ahkam al-Adliyyah* bagi diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai *Majalah Ahkam Johor* serta dijadikan panduan rasmi berkenaan hukum syarak di negeri Johor pada tahun 1913.<sup>10</sup> Ia sekali gus menjadi suatu kodifikasi undang-undang yang seragam untuk seluruh Johor pada waktu itu. Pada asalnya, kod undang-undang ini telah dibawa masuk ke Johor dari kerajaan Uthmaniyyah sewaktu lawatan Maharaja Abu Bakar ke sana pada 1878. Secara terasnya, kandungan asal *Ahkam al-Adliyyah* ini berlandaskan mazhab Imam Hanafi. Hal ini merupakan langkah baginda dalam usaha meletakkan dan menyerapkan undang-undang Islam dalam sistem perundangan dan kehakiman negeri Johor. Syed 'Abd Qadir bertugas sebagai mufti dan ketua Hakim Mahkamah pada tahun 1912 telah memainkan peranan yang besar dalam usaha menjadikan *Majalah Ahkam Johor* mempengaruhi perjalanan dan pentadbiran mahkamah dan pentadbiran agama secara seragam pada ketika itu. Ia terbukti apabila penggunaan majalah ini telah pun dikenal pasti berkuatkuasa sejak tahun 1893. Namun, kewujudan undang-undang *Majalah Ahkam al-Adliyyah* dalam pemakaian fatwa kelihatan secara jelas sewaktu pemerintahan mufti terawal, iaitu pada zaman Syed Salim bin Abdullah al-'Attas dan Dato' Abdullah Musa. Teks asal adalah dalam bahasa Arab yang menjadikan penggunaannya terhad. Maka, kajian ini melihat bahawa sumbangan yang dilakukan oleh Syed 'Abd Qadir jelas terbukti melalui dua peringkat utama.

<sup>9</sup> Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad". Tesis Ph. D., Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012. hlm. 143.

<sup>10</sup> Abd. Jalil Borham, *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentari*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002), hlm. 33. Lihat juga, Abd. Jalil Borham, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002), hlm. 92.

Pertama, pelaksanaan gerak kerja ini dapat dilihat apabila Syed 'Abd Qadir terbabit dalam usaha awal menterjemahkan *Majalah Ahkam Johor* yang dicetak di Matba' Khairiyyah Muar bertarikh 1331 H. Perkara ini dinyatakan dalam surat daripada Dato' Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor bilangan 998/13 bertarikh 29 November 1913 bahawa:

Adalah kitab ini mengandungi di dalamnya bicara-bicara hukum fiqh yang diterbitkan daripada syariat Islam dan yang telah dipakai dalam kerajaan Johor selamanya dengan bahasa Arab yang demikian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya menjadikan lebih senang mengerti dan mengambil fahamnya. Bahawasanya dengan persetujuan dan ittifak pegawai-pegawai terutama bagi jabatan agama dan yang berkenaannya dan setelah disahkan terjemahannya maka dipersembahkan kepada maklum ke bawah Duli Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Yang Dipertuan Johor dipohonkan kebenaran supaya dicop (dicetak) oleh kerajaan ditetapkan dipakai menjadi sebuah daripada kitab-kitab panduan berkenaan dengan hukum-hukum syarii (menurut bagaimana kecualian yang disebutkan dalam undang-undang tubuh kerajaan Johor fasal yang ke-49) serta dinamakan ia „Majalah Ahkam Johor“ maka sudahlah dijunjungkan oleh Yang Berhormat Dato' Pemangku Setiausaha Kerajaan dengan surat bilangan 998/13 tarikh 29 November 1913 jawab titah perintah ke bawah duli Yang Maha Mulia Tuanku „benarkan ia“ demikianlah adanya. Barang dilanjut Allah subhanallah Taala Usia Raja kita dan berkekalan kerajaan Johor bagi zuriatnya dengan selamat sempurna selamanya.<sup>11</sup>

Petikan di atas menggambarkan kitab yang pertama ini telah dikuatkuasakan perlaksanaannya dalam negeri Johor yang berkaitan dengan hukum syarak, tetapi hanya menyentuh undang-undang muamalat Islam dan dinyatakan pada bahagian akhirnya tentang peraturan mahkamah.

Kedua, gerak kerja kedua Syed 'Abd Qadir dapat dilihat apabila beliau telah bertindak menyempurnakan *Majalah Ahkam Johor* melalui akta yang dikuatkuasakan oleh Sultan Ibrahim di dalam fasal 49 dan 57 yang menyatakan:

Bahawa adalah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan. Yang Di Pertua bagi negeri-negeri dan jajahan Johor berkenaan dengan undang-undang Tubuh Kerajaan pada fasal 49 dan 57 serta dengan persetujuan ahli-ahli Jawatan Keadilan dan agama telah bertitah berkenaan dan suka membenarkan supaya dipakai dan diperlakukan oleh sekalian pegawai-pegawai, majistret-majistret dan hakim-hakim dalam kerajaan Johor “Majallat Ahkam al-Adliyyah” iaitu mana-mana dan atas perkara yang berkenaan dengan syarii hendaklah dipakai dan berpandukan “Majallat” yang tersebut dengan syarah-syarahnya.<sup>12</sup>

Petikan kedua ini pula menerangkan bahawa melalui pindaan yang dikuatkuasakan melalui fasal 49 dan 57, teks yang kedua ini kemudiannya digunakan secara rasmi sebagai kitab rujukan utama pegawai-pegawai, majistret-majistret dan hakim-hakim di negeri Johor.

Dari sinilah dapat dilihat usaha yang dilakukan oleh mufti Johor untuk membawa satu panduan berkenaan prinsip ekonomi Islam. Antara perkara yang disentuh berkaitan muamalat dalam *Majalah Ahkam Al-Adliyyah* adalah urusan jual beli, sewaan, konsep wakalah, dan

<sup>11</sup> J/UG X: *Majalah Ahkam Johor*. Lihat juga, Nurul Wahidah binti Fauzi, 2012. “Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad”, hlm. 155.

<sup>12</sup> J/UG X: *Majalah Ahkam Johor*. Lihat juga, Nurul Wahidah binti Fauzi, “Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad”. hlm. 160.

pajakan. Usaha tersebut begitu signifikan untuk mendepani pengaruh prinsip ekonomi konvensional pihak British. Konsep-konsep yang terkandung dalam *Majalah Ahkam Al-Adliyyah* ini kemudiannya dimuatkan ke dalam sukatan pembelajaran sekolah agama di negeri Johor. Perlu ditegaskan di sini bahawa penyediaan *Majalah Ahkam Al-Adliyyah* ini bukanlah kayu ukur terhadap kejayaan mutlak untuk menolak pengaruh British. Setidak-tidaknya penyediaan majalah tersebut dapat dilihat sebagai alternatif daripada pihak mufti untuk berhadapan pengaruh imperialisme British.

### **Pentadbiran Badan Baitulmal oleh Mufti Johor 1885-1941**

Setelah memegang jawatan sebagai mufti negeri Johor, Syed 'Alwi telah bergerak cepat apabila beliau juga terbabit dalam mewujudkan institusi Baitulmal Johor yang ditubuhkan mulai pada tahun 1934, berkuatkuasa menurut fasal 14 dalam Undang-undang Baitulmal. Idea penubuhan institusi yang dipelopori beliau bertepatan dengan waktunya apabila ia mampu menjadi kaedah terbaik ke arah pengurusan harta pusaka yang lebih bersistematik. Sistem ini dipercayai mampu mengatasi permasalahan yang sedia ada terutamanya lambakan fatwa yang membicarakan soal harta pusaka orang Islam yang mati tetapi tidak mempunyai waris, atau yang berwaris, tetapi tidak boleh mewarisi harta (asobah). Baitulmal yang ditubuhkan bertindak mengawal, menambah, dan memajukan harta secara praktikal mengikut garis panduan hukum syarak yang ditetapkan. Pengawalan harta pusaka dan faraid ini dilihat mampu menjadi prosedur tersusun untuk mengagihkan harta Baitulmal kepada *masarif* mengikut ketentuan syarak demi keperluan dan kepentingan umat Islam khususnya di negeri Johor.

Jika ditinjau dari konteks pentadbiran Baitulmal di peringkat awal, Syed 'Alwi telah terlibat dalam merangka beberapa rang undang-undang dan peraturan mahkamah Syariah dan Baitulmal Mesir, perjalanan mahkamah perbicaraan dan perjalanan isu faraid dan kewangan. Menyentuh tentang sumber, rang undang-undang ini menjelaskan bahawa Baitulmal berhak menguruskan mana-mana harta yang tidak diketahui warisnya dan pusaka yang sudah dibahagikan kepada waris-waris jika kemudiannya didapati kenyataan waris-waris itu dusta, harta zakat, sedekah, khairat dan wakaf.<sup>13</sup>

Syed 'Alwi juga meletakkan peraturan bahawa pelaksanaan harta-harta terbabit pula akan disalurkan bagi kepentingan orang Islam dan apa jua aktiviti yang melibatkan urusan hal ehwal Islam.<sup>14</sup> Pelaksanaan baitulmal ini dirasakan perlu sebagai keperluan terhadap pembangunan pentadbiran agama Islam Johor, antaranya sebagai dana pembinaan madrasah, perbelanjaan kebajikan dan menderma kepada mangsa bencana alam.

### **Kedudukan Mufti Johor Dalam Lapangan Sosial Pada Era Imperialisme British 1885-1941**

#### **Penggubalan Dasar Pendidikan Oleh Mufti Johor 1885-1941.**

Dalam penjelasan sebelum ini, telah disebut bahawa imperialisme British telah tersebar melalui bidang pendidikan di bumi Johor. Situasi tersebut melibatkan kemunculan sekolah-

<sup>13</sup> J/PU 4: *The Bait-Ul-Mal Enactment*

<sup>14</sup> J/PU 4: *The Muhammadan Law Determination Enactment.*



sekolah berorientasikan idea-idea Inggeris terhadap nilai pendidikan kepada penduduk peribumi.<sup>15</sup>

Menyedari bahaya imperialisme budaya yang dibawa oleh para mubaligh Kristian, kerajaan Johor telah mengambil inisiatif untuk menyediakan pendidikan agama kepada kanak-kanak seawal usia tujuh tahun. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pendidikan agama lebih dititik-beratkan kepada kaum lelaki sahaja. Hal ini dapat dilihat berdasarkan bilangan Sekolah Agama Lelaki yang lebih banyak berbanding Sekolah Agama Perempuan dan sukatan pelajaran yang disediakan. Sebagai contoh, pada tahun 1933 terdapat 47 buah Sekolah Agama Lelaki dengan murid seramai 5,105 manakala Sekolah Agama Perempuan Johor pula berjumlah enam buah dengan murid seramai 322 orang. Selain itu, tahap sukatan pelajaran yang diberikan untuk pelajar lelaki dan perempuan di sekolah agama juga berbeza. Dalam konteks Sekolah Agama negeri Johor, pendidikan agama hanya disediakan hingga darjah empat sahaja untuk murid perempuan berbanding darjah enam kepada murid lelaki. Hal ini mungkin disebabkan sikap masyarakat Melayu pada waktu dahulu yang tidak menitik-beratkan pendidikan untuk anak-anak perempuan, di samping kecenderungan masyarakat mengkahwinkan anak perempuan mereka pada usia muda.

Bagi Sekolah Agama Perempuan, semasa darjah satu murid-murid diajar mengenal dan menyebut huruf jawi. Mereka kemudiannya akan diajar untuk mengeja ayat-ayat Quran yang terdapat dalam kitab Muqaddam dari surah Al-Fatihah sehingga Al-Ikhlâs seterusnya membaca surah-surah lain dalam Muqaddam hingga surah Adh-Dhuha. Dalam masa yang sama, murid-murid diajar menunaikan solat dengan berpandukan kitab *Pertolongan Kanak-kanak dan Pandai Melakukan Fiil Solat*.<sup>16</sup> Pada peringkat awal persekolahan, pendidikan lebih tertumpu pada konsep 4M iaitu mengenal huruf, menyebut, mengeja, dan membaca. Setelah memasuki darjah dua, murid-murid diajar membaca Quran iaitu surah Al-Baqarah. Selain itu, mereka dikehendaki menghafal surah-surah lazim iaitu Surah Al-Kauthar hingga Surah Adh-Dhuha. Pada peringkat ini juga, mereka mula diperkenalkan dengan ilmu Tauhid. Murid-murid turut diajar dengan mata pelajaran permulaan berdasarkan kitab yang dibekalkan oleh Pejabat Agama. Perlu ditegaskan di sini, peruntukan sukatan pelajaran tersebut telah disusun oleh barisan mufti Johor. Pada masa yang sama, Dato' Abdullah Musa iaitu mufti kedua pernah berutus surat dengan gurunya Tok Kenali dari Kelantan. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan terhadap beberapa perkara berkaitan agama Islam.<sup>17</sup>

Dalam darjah tiga, kanak-kanak dikehendaki membaca Quran dari Surah Al-Imran hingga Surah Maryam dan diajar ilmu tajwid bagi memperbetulkan bacaan mereka. Pada masa yang sama, mereka akan menyambung mata pelajaran Tauhid yang dipelajari semasa darjah dua dan diubah pula dengan tiga mata pelajaran baru iaitu Ibadat, Adab Perempuan yang Pertama serta Permulaan yang kedua. Jika diteliti, langkah mengajar mata pelajaran Adab Perempuan yang pertama pada darjah tiga merupakan usaha mufti Johor untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam

<sup>15</sup> J/UG 1: Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939.

<sup>16</sup> Pada peringkat awal, murid-murid dikehendaki menghafal ayat-ayat bacaan dalam solat sebelum diajar secara amali. Pada peringkat akhir pembelajaran, murid-murid dikehendaki untuk membuat latihan amali iaitu menunaikan solat secara individu sambil diperhatikan oleh guru mereka dari aspek bacaan dan pergerakan dalam solat. Untuk maklumat lebih lanjut lihat, J/UG 7 8/33: Sukatan Pelajaran Sekolah Agama Johor. Lihat juga, J/UG 7 161/34: Berkehendak mendapat aturan pelajaran agama sekolah dalam Johor, berapa banyak sekolah, guru-guru dan murid-murid.

<sup>17</sup> J/UG 1: Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939. Lihat juga, Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957." hlm. 149.

kalangan kanak-kanak perempuan agar apabila dewasa kelak tidak terpengaruh dengan budaya Barat.

Apabila memasuki darjah empat, murid-murid perempuan dikehendaki membaca Quran dari surah Tahaa hingga khatam. Ilmu tajwid mereka turut dipertingkatkan melalui pembelajaran berdasarkan kitab *Ithaf Al-Mar'rid*. Selain itu, murid-murid juga akan terus mendalami subjek Tauhid di samping mata pelajaran lain seperti Ibadat yang diajar berdasarkan kitab yang dibekalkan oleh Pejabat Agama serta *Permulaan yang Ketiga dan Adab Perempuan Yang Kedua*. Berdasarkan sukatan pelajaran yang diajarkan kepada murid perempuan, dapat dirumuskan bahawa pada peringkat awal objektif utama pelajaran Sekolah Agama adalah untuk membudayakan para pelajar dengan ajaran agama Islam dengan memfokus kepada amalan membaca dan menghafal ayat-ayat Al-Quran. Pada ketika ini, Syed 'Abd Qadir Muhsin al-, Attas merupakan watak penting yang berusaha menyediakan ruang pendidikan kepada kanak-kanak perempuan. Perkara tersebut mirip dengan tuntutan Kaum Muda. Pada ketika itu, yang menyuarakan keperluan pendidikan khususnya dalam majalah *al-Imam*. Hal ini secara tidak langsung dapat mencegah mereka daripada terpengaruh dan dihanyutkan dengan budaya hedonistik serta budaya Barat.

Dari sudut yang berlainan, sukatan pelajaran bagi Sekolah Agama Lelaki adalah lebih berat berbanding Sekolah Agama Perempuan. Pada peringkat darjah satu, pelajar lelaki akan mempelajari mata pelajaran Ibadat yang dipelajari oleh pelajar perempuan sewaktu darjah tiga. Pada masa yang sama, penekanan terhadap mata pelajaran Adab untuk membentuk keperibadian Islam dalam kalangan kanak-kanak lelaki turut diberi perhatian.<sup>18</sup>

Apabila memasuki darjah empat terdapat perbezaan ketara sukatan pelajaran Sekolah Agama Lelaki dengan Sekolah Agama Perempuan. Hal ini kerana murid-murid lelaki akan dilengkapi dengan ilmu yang akan membantu mereka menjadi seorang suami dan ketua keluarga. Oleh hal yang demikian, pada peringkat ini murid-murid lelaki telah dilatih untuk menghafal wirid-wirid lazim solat, berserta doanya di samping doa-doa untuk majlis tahlil. Hal ini selaras dengan peranan yang akan dimainkan oleh murid-murid lelaki apabila dewasa kelak iaitu sebagai imam dalam sesebuah keluarga. Selain itu, murid-murid lelaki pada darjah empat turut akan diajar *Permulaan yang Ketiga* dari kitab Pejabat Agama serta kitab adab *Al-Fassi Al-Jazza'i*. Kelebihan murid Sekolah Agama Lelaki ialah mereka diajar mengenai kehidupan seharian melalui mata pelajaran Muamalat dalam darjah lima. Keadaan ini memperlihatkan usaha ke arah penerapan ilmu muamalat berlandaskan Islam di peringkat sekolah lagi. Di samping itu, pelajar juga akan diajar mata pelajaran Munakahat agar mampu mengemudi sebuah keluarga kelak dengan nilai keislaman. Pada masa yang sama, murid juga akan diajar *Pelajaran Permulaan Yang Keempat* dan Tauhid berdasarkan kitab *Al-sa'ngaddah la bid'iah*. Seterusnya, pada peringkat akhir iaitu darjah enam, murid-murid akan diajar kitab *Matla'il Badrin*, kitab adab *Al-fassi Jazza'i*, kitab *Hidayatul Sallakin Tasawuf*, kitab *Ahkam Syariah*. Selain itu, murid akan diperkenalkan dengan mata pelajaran Faraid iaitu mengenai pembahagian harta pusaka.<sup>19</sup>

<sup>18</sup> J/UG 1: Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939. Lihat, Rahimah Abdul Aziz. *Perubahan dan Pembaratan Struktur Pentadbiran Negeri Johor*. Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid II, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2009), hlm. 10. Lihat juga, A. Fawzi Basri, "Perkembangan Pendidikan Negeri Johor 1856-1939: Satu Kajian Ringkas". Dalam, Khoo Kay Kim (Penyunting). *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. (Kuala Lumpur: Jabatan Penerbit Universiti Malaya, 1984), hlm. 147.

<sup>19</sup> J/UG 1: Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939. Lihat, Abd. Latif Juffri @ Al-Juffri & Jainal Sakban Al-Jauhari. 2008. *Sejarah Perkembangan Jabatan Agama Islam Johor*. Johor: MAIJ URUS, hlm. 51. Lihat juga Nurul Wahidah binti Fauzi, 2012. "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan

Walau bagaimanapun pada tahun 1936, sewaktu Syed „Alwi Tahir al-Haddad menjawat jawatan mufti, sukatan pelajaran di Sekolah Agama telah dirombak oleh Pejabat Pelajaran Johor. Murid-murid darjah satu akan diajar mata pelajaran Tauhid, Ibadat, dan mengeja Muqaddam. Apabila memasuki darjah dua, mereka akan mempelajari Tauhid, Ibadat, Tawarikh dan Al-Quran. Seterusnya, bagi murid dalam darjah tiga mereka akan mempelajari subjek seperti Tauhid, Ibadat, Tajwid Al-Quran, Adab Perangai, Tawarikh, dan Al-Quran. Bagi murid darjah empat hingga enam pula, mereka akan diajar mata pelajaran seperti Tauhid, Muamalat, Munakahat, Adab Perangai, Tasawuf, Tajwid Al-Quran, Jenayat dan Al-Quran. Untuk pelajar-pelajar Darjah Khas, mereka akan diajar mata pelajaran yang diajarkan kepada murid darjah empat hingga enam secara lebih terperinci dan mendalam. Di samping itu, murid Darjah Khas juga akan dibekalkan pendidikan bahasa Arab dan Melayu melalui mata pelajaran Pedoman Mengajar Permulaan Bahasa Arab dan Bahasa Melayu.

Rasional mata pelajaran bahasa Arab diajarkan pada peringkat Darjah Khas adalah untuk mendedahkan para lepasan Darjah Khas Sekolah Agama Negeri Johor melanjutkan pelajaran agama mereka ke peringkat lebih tinggi. Tambahan pula, sejak 1920-an lagi sudah wujud cadangan agar mata pelajaran bahasa Arab diajarkan di negeri Johor bagi memendekkan tempoh pengajian pelajar di negara Timur Tengah. Hal ini kerana, pelajar yang menyambung pengajian di negara-negara Arab perlu memperuntukkan masa satu tahun setengah untuk mempelajari bahasa Arab terlebih dahulu sebelum menyambung pengajian.

Penggubalan sukatan pelajaran oleh mufti Johor dapat dilihat sebagai satu reaksi terhadap pendidikan bercorak British pada ketika itu. Perkara tersebut begitu signifikan dalam memelihara perkembangan minda dan pemikiran murid-murid di Johor selaras dengan nilai-nilai Islam. Dalam masa yang sama, tindakan tersebut selaras dengan tuntutan agama Islam berkenaan peri pentingnya ilmu. Sungguhpun arus imperialisme British hebat melanda sekitar tahun 1900 sehingga tahun 1941, namun golongan elit Johor khususnya mufti telah melakukan pelbagai percubaan untuk menghadapi perkara tersebut. Meskipun dalam tempoh itu Johor telah jatuh ke dalam jajahan British, tetapi perkara tersebut bukanlah kayu ukur kepada kegagalan atau kejayaan mufti dalam mendepani imperialisme British.

### **Penterjemahan *Majalah Ahkam Syariah* Oleh Mufti Johor 1885-1941**

Barisan mufti Johor juga telah menyelaraskan *Majalah Ahkam Syariah*, sebuah kitab rujukan undang-undang mengenai perkahwinan dan fiqh yang telah disusun, dipinda dan diselaraskan berdasarkan mazhab Syafie. Perakuan ini dilihat berdasarkan kenyataan:

Ahwal Syakhsiah hukum syarak yang berkenaan dengan nikah kahwin orang-orang Islam yang Dato' sendiri telah terjemahkan ke Bahasa Melayu itu telah saya periksa dan telah saya pinda apa-apa yang termustahak atas hukum-hukum itu dijadikan mazhab Syafie...<sup>20</sup>

Penyusunan, penyelarasan dan pindaan yang dilakukan terhadap *Majalah Ahkam Syariah* ini dilihat menjadi suatu keperluan utama pada waktu itu memandangkan terjemahan tersebut merupakan terjemahan yang julung-julung kali diadakan di negeri Johor, sekaligus membantu

---

Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad", hlm. 148.

<sup>20</sup> J/UG X: *Majalah Ahkam Johor*. Lihat juga, Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad", hlm. 154.



memudahkan urusan pentadbiran para Qadi dalam menyelesaikan masalah-masalah perkahwinan. Malah, kepentingan *Majalah Ahkam Syariah* ini terbukti apabila masalah-masalah syariah yang terkandung di dalamnya menjadi rujukan utama dalam peperiksaan untuk menjawat jawatan jurunikah dan Qadi.

Dalam hal ini, intipati dalam *Ahkam Syariah* telah diterapkan untuk membentuk garis panduan dalam kehidupan sosial masyarakat. Tujuan utama dijadikan majalah ini sebagai salah satu sumber rujukan utama dalam mahkamah Johor kerana mufti ketika itu memandang ia mustahak sebagai undang-undang yang mengadili sistem kehidupan masyarakat Islam Johor, sama ada mengenai isu muamalat, nikah kahwin dan segala urusan yang berkaitan dengan urusan kehidupan dunia dan akhirat. Kenyataan ini termaktub melalui kata-kata Syed 'Abd Qadir yang menjelaskan, "maka demikianlah sebab mengarang kitab ini menghimpunkan beberapa masalah yang banyak berlaku dan jadi dalam bahagian muamalat maka dikeluarkan dan dihimpunkan daripada kitab-kitab yang besar dan terbilang". Kitab ini mengandungi sebanyak 99 masalah kaedah fiqh yang dibahagikan kepada beberapa fasal kecil dan melalui fasal dibahaskan beberapa masalah yang berkenaan dengan hukum fiqh. Melalui hukum-hukum yang ditetapkan, ia dikuatkuasakan di dalam mahkamah. Antara enakmen mahkamah yang mengaplikasikan akta-akta yang terdapat dalam *Majalah Ahkam Syariah* Johor ialah;

"Berkenaan dengan hukum saksi di dalam perkara syarat-syarat dan sebagai Lihat di dalam Majalah Ahkam Johor Kitab Yang Kelima Belas muka 323."<sup>21</sup>

Pada masa yang sama, *Majalah Syariah* turut menjadi instrumen penting dalam membentuk penyelesaian kemaslahatan masyarakat Islam Johor. Perkara tersebut mencakupi penyelesaian terhadap masalah mursalah, masalah mulghah, dan masalah muktabarah. Hal ini demikian kerana, permasalahan itu saling berkaitan dan memerlukan satu medium penyelesaian yang berkesan. Keberkesanan penggunaan Majalah Ahkam Johor yang telah diadaptasikan ke dalam mazhab Syafie hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Syed 'Abd Qadir terbukti berjaya menjadi sebahagian daripada amalan harian masyarakat. Ini dapat dilihat pada tahun 1933, ia dikuatkuasakan sebagai salah sebuah rujukan undang-undang dan hukum-hukum bagi pihak istana dan pegawai Islam di Johor. Alasannya dapat dilihat apabila pada tahun 1934, majalah ini dijadikan amalan perundangan di dalam Johor apabila ia dihadiahkan kepada seluruh Qadi, hakim, mufti dan imam sebagai rujukan dalam menyelesaikan masalah yang timbul mengenai hal-hal syarak. Kitab ini juga secara jelas berjaya menjadi salah satu kitab pengajaran di dalam masjid dan medium dakwah kepada masyarakat Islam Johor. Pemberian Majalah secara percuma ini kemudiannya menjadi suatu keperluan terhadap masyarakat seperti yang dilihat melalui kenyataan Qadi Besar berikut:

"Pada pandangan mereka yang memerlukan, Kitab Ahkam Syariah ini merupakan sebuah kitab yang munasabah dan mustahak untuk dijadikan pelajaran dan bacaan pada waktu itu terutamanya kepada jurunikah dan imam-imam di sekelilingnya."<sup>22</sup>

Keperluan terhadap kitab ini ternyata benar apabila pada tahun 1913 misalnya, Jabatan Agama Islam Johor telah menghadiahkan sebanyak 71 buah kitab *Majalah Ahkam Syariah* kepada qadi daerah dan imam yang terbabit.

<sup>21</sup> JUG X: *Majalah Ahkam Johor*. Lihat juga, Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-Attas dan Syed Alwi B. Tahir Al-Haddad", hlm. 156.

<sup>22</sup> J UG 7 25/33: Perakuan daripada Qadi Besar Johor, 22 Mac 1936.

Selain dihadiahkan kepada individu-individu penting negeri, kitab ini juga dijual kepada masyarakat awam dengan harga 0.35 sen sebuah dengan sambutan yang menggalakkan. Ia terbukti apabila Jabatan Agama Johor banyak menerima surat daripada wakil-wakil Pejabat Qadi Daerah memaklumkan mahu mendapatkan lagi kitab ini. Antara contohnya dapat dilihat dalam surat yang diperolehi oleh Qadi Kukub yang mengatakan;

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa Kitab Ahkam Syariah 50 buah itu telah habis dijual. Yang demikian saya dengan hormatnya memohon 100 buah lagi kerana banyak lagi orang-orang yang mustahak berkehendakkan kitab itu demikianlah bagi maklum Dato'.<sup>23</sup>

Usaha dan sumbangan yang dilakukan oleh mufti Johor terhadap *Majalah Ahkam Johor* kemudiannya berakhir serentak dengan pemansuhan fasal 49 dalam "Tambahan Undang-undang kerajaan bagi Meminda dan menyatukan Undang-undang Tubuh Kerajaan pada tahun 1895 dan segala-gala Tambahannya" daripada fasal utama Undang-undang Tambahan yang dilaksanakan, maka *Majalah Ahkam Johor* berlangsung hanya setahun iaitu pada tahun 1913 dan dihentikan pada tahun 1914 serentak apabila Inggeris dengan rasminya mencampuri urusan pentadbiran Johor dalam Majlis Mesyuarat Negeri melalui ahli mesyuarat yang bukan beragama Islam. Tindakan Syed 'Abd Qadir melaksanakan penggunaan *Majalah Ahkam Johor* di seluruh Johor tidak mampu bertahan lama. Walau bagaimanapun, pengaruh *Majalah Ahkam Syariah* terbukti bertahan bertahun lamanya apabila ia diguna sebagai rujukan utama dalam sukatan Pelajaran Sekolah Agama Johor seperti yang dimaklumkan oleh Penolong Yang Dipertua Jabatan Agama. Pelajar-pelajar yang berada di Pangkat Tinggi Sekolah Agama diajar dengan majalah tersebut dengan harapan mereka kembali ke Johor dan menjawat jawatan sebagai Qadi di mahkamah-syariah.

Dalam konteks ini, penterjemahan *Majalah Syariah Johor* menyediakan satu medium untuk kefahaman masyarakat Johor berkenaan Islam. Penggunaan majalah ini juga bukan bersifat eksklusif kepada golongan elit semata-mata tetapi bersifat inklusif kepada masyarakat biasa. Perlu ditegaskan bahawa suasana pada ketika itu sememangnya memerlukan satu alternatif ke arah kefahaman berkaitan Islam. Hal ini demikian kerana, budaya Barat yang dibawa oleh pihak British telah menyebabkan keruntuhan moral. Ringkasnya, terjemahan *Majalah Syariah Johor* yang dilakukan oleh mufti khususnya Syed 'Abd Qadir Muhsin al-'Attas telah membawa satu dimensi baru terhadap penerapan kefahaman agama.

### **Pengukuhan Aspek Tauhid Oleh Mufti Johor 1885-1941**

Dalam aspek pengukuhan ummah, pihak mufti Johor telah menjadikan pengukuhan ilmu tauhid sebagai wadah penyatuan tersebut. Hal ini demikian kerana pengenalan kepada tauhid yang benar bertujuan mengembalikan kefahaman umat Islam Johor terhadap akidah Islam sebenar. Hal ini disebabkan ketika itu kerangka kefahaman umat Islam telah diasak dengan pelbagai bentuk ajaran sesat dalam kalangan masyarakat. Perkara tersebut begitu serius kerana perbezaan fikrah tersebut mampu mencetuskan pepecahan ummah. Oleh sebab itu, barisan mufti Johor khususnya Syed 'Abd Qadir Al-'Attas dan Syed Alwi Tahir Al-Haddad giat berusaha membentuk kefahaman berdasarkan aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Hakikatnya, apakah bentuk usaha tersebut? Adakah pelaksanaannya dalam aspek yang menyeluruh? Ternyata pelaksanaan tersebut bergerak ke

<sup>23</sup> J/UG 353/34: *Kitab Ahkam Syariah (Perkara Nikah)* 63/36, Bil. 2, Surat Makluman Qadi Kukub.

segenap ruang masyarakat sama ada di bandar mahu pun di kawasan desa. Hal ini demikian kerana persoalan berkaitan tauhid begitu penting dalam pembentukan akidah umat Islam.

Untuk memastikan ancaman terhadap akidah umat Islam ketika itu terpelihara, langkah pertama pihak mufti Johor adalah mengenal pasti saluran yang membentuk ajaran sesat tersebut. Ternyata pada ketika itu bentuk ajaran sesat mudah tersebar kerana kurangnya kefahaman umat Islam terhadap ajaran Islam sebenar. Mereka mudah terikut-ikut dengan ajaran seperti Bahai dan Qadiyyani yang menular dalam masyarakat ketika itu. Dalam hal ini, Syed 'Abd Qadir Al-'Attas telah mengedarkan risalah berkaitan bahaya ajaran sesat termasuk penyediaan teks khutbah Jumaat yang menerangkan ancaman ajaran sesat tersebut.<sup>24</sup> Medium ini amatlah penting kerana masjid pada ketika itu menjadi tempat berkumpul masyarakat khususnya kaum lelaki pada setiap hari Jumaat. Ketika era Syed Alwi Tahir Al-Haddad menjadi mufti Johor, beliau telah turun padang untuk mengadakan ceramah di masjid-masjid. Usaha tersebut membolehkan interaksi terus antara masyarakat yang mempunyai kemusykilan berkaitan agama Islam.

Selain itu, kekeliruan umat Islam berkenaan agama turut dirasakan berpunca daripada tersebarnya ideologi gerakan Kaum Muda khususnya dari Indonesia. Syed Alwi Tahir Al-Haddad telah mengumumkan sekatan terhadap karya-karya Kaum Muda pada 1937. Antara karya yang diharamkan penerbitannya termasuk karya Hassan Bandung dan Abu Bakar Assya'ri.<sup>25</sup> Syed Alwi Tahir Al-Haddad mendakwa ajaran daripada karya itu mampu mendatangkan kekeliruan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Antara ajaran yang menimbulkan kontroversi dari karya Kaum Muda itu termasuk dakwaan bahawa khinzir itu halal yang sememangnya bertentangan dengan pandangan Islam bahawa haiwan tersebut adalah haram.<sup>26</sup> Perlu ditegaskan bahawa penulisan ini bukanlah bertujuan untuk menentukan sama ada para mufti Johor sebagai Kaum Muda atau Kaum Tua, tetapi bertujuan menggambarkan tindak-tanduk pihak mufti ketika itu turut berada dalam kerangka kemunculan Kaum Muda.

Tindakan daripada mufti ini penting untuk pemantapan kefahaman umat Islam. Perbincangan berkenaan perkara-perkara itu mampu mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Ketetapan yang dibentuk oleh mufti-mufti tersebut kemudiannya diterima sebagai fatwa untuk membimbing umat Islam. Pembantaran kontroversi seumpama ini bertepatan dengan kedudukan mufti sebagai individu yang arif dan faqih berkaitan isu-isu agama. Oleh sebab itu, perlu diperakui peranan mufti dalam membimbing akidah dan kefahaman syiar Islam adalah penting kepada masyarakat Johor.

## Rumusan

Rumus bicara, peranan mufti dalam pentadbiran Johor sewaktu era penjajahan British sememangnya penting untuk keberlangsungan pentadbiran berasaskan Islam dalam kerajaan berkenaan. Peranan yang dimainkan oleh keempat-empat mufti yang dinyatakan meninggalkan kesan penting dalam usaha kerajaan Johor membina pertahanan untuk berhadapan dengan pengaruh imperialisme British. Dalam hal ini, peranan mufti telah diberi keutamaan membentuk perisai demi memelihara kedudukan Islam dalam era imperialisme British. Keadaan tersebut terbukti menerusi penurunan autoriti berkaitan pentadbiran agama oleh Maharaja Abu Bakar dan

<sup>24</sup> Hamka, *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, (Shah Alam: Pustaka Dini, 2010), hlm. 40.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 44.

<sup>26</sup> PAJ 56/52: *A Report on the 1950*. Lihat juga Nurul Wahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad", hlm. 178.



anakandanya Sultan Ibrahim kepada mufti-mufti Johor. Peranan mufti tidak terhad semata-mata kepada pengeluaran dan penetapan fatwa, tetapi turut mencakupi lapangan lain yang berkaitan pentadbiran kerajaan. Mereka terlibat dalam istiadat istana dalam pelbagai upacara kebesaran keluarga diraja Johor. Mereka terlibat dalam penyediaan teks doa pertabalan dan keputeraan sultan Johor yang secara langsung berkait rapat dengan majlis istiadat diraja. Dalam aspek politik, mufti seperti Syed Salim Alattas dan Dato' Abdullah Musa telah diberi tanggungjawab sebagai hakim besar Johor. Keadaan tersebut diikuti dengan sumbangan Syed Abdul Kadir bin Mohsen Alattas yang telah menterjemahkan *Majalah Ahkam Johor* sebagai rujukan perundangan Islam Johor. Penambahbaikan berkenaan undang-undang fiqh dan muamalat kemudiannya telah dilakukan oleh mufti keempat Syed Alwi Tahir Alhaddad selepas tahun 1934. Peranan mereka ini penting dalam mengimbangi campur tangan politik oleh pihak British melalui residen.

## Bibliografi

### Fail dan Dokumen – Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor

- J/ Raja 4 *Coronation of His Highness The Sultan of Johore.*
- J/DUN 7 Buku Senarai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor 1934 dan 1936.
- J/MB Pejabat Menteri Besar Johor.
- J/P11 4 Perundangan Tanah Johor 1910.
- J/PU 1 *Undang-undang Tanah Yang Mencadangkan kerana Orang-orang Melayu Bilangan 1 Tahun 1936.*
- J/PU 3 *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.*
- J/PU 4 *The Bait-Ul-Mal Enactment.*
- J/PU 4 *The Muhammadan Law Determination Enactment.*
- J/RAJA 4 *Cenderamata Kemahkotaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor (10.2.1960).*
- J/SUK Setiausaha Kerajaan Johor.
- J/SUK 11 *Salinan Surat-sarat Datuk Menteri (SSDM).*
- J/UG X *Majalah Ahkam Johor.*
- J/UG 1 Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939.
- J/UG 7 Jabatan Agama Islam Johor.
- J/UG 11/29 Penyata yang Berkenaan dengan Perkara-perkara Agama Bagi Tahun 1929.
- Perjanjian Pesahabatan 1895.
- S.7 Wasiat Temenggung Ibrahim kepada Temenggung Wan Abu Bakar.
- SDPTC/GAJ Surat Dalam Perkara Tuan Campbell Jadi General Adviser Johor.
- Undang-undang Kangcu Tahun 1873.*

### Buku dan Artikel

- A. Fawzi Basri. 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940 Satu Perbincangan Daripada Pelbagai Aspek.* Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Semenanjung Malaysia.

- A. Fawzi Basri. 1984. *Sistem Kangcu dalam Sejarah Johor 1844-1917*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- A. Fawzi Basri. 1984. "Perkembangan Pendidikan Negeri Johor 1856-1939: Satu Kajian Ringkas". Dalam, Khoo Kay Kim (Penyunting). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbit Universiti Malaya.
- A. Fawzi Basri. 1988. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- A. Fawzi Basri. 1999. "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan dan Persuratan". Dalam, Zainal Abidin Borhan et al. (Penyunting). *Warisan Persuratan Johor II Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- A. Fawzi Basri. 2009. "Politik dan Pentadbiran Johor-Riau 1721-1824: Satu Tinjauan Ringkas". Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. 2002. *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentari*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. 2002. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. 2008. "Jati Diri Johor dari Aspek Agama: Kesungguhan Johor Melaksanakan Undang-undang Islam dengan Pelaksanaan Majalah Ahkam Johor". Dalam, Ismail Adnan & Rafie Abdul Rahim (Penyunting). *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perpektif* (Himpunan Kertas Kerja Seminar Jati Diri Johor). Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Abd. Latif Juffri @ Al-Jufri & Jainal Sakban Al-Jauhari. 2008. *Sejarah Perkembangan Jabatan Agama Islam Johor*. Johor: MAIJ URUS.
- Abd. Latif Juffri @ Al-Jufri. 2012. *40 Tokoh Ulama Johor*. Johor Bahru: Badan Kebajikan Pejabat Kadi Daerah Muar.
- Abdul Malek Munip. 1984. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920 Peribumi dan Pemodelan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Rahim Ramli. 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1990. "Silat Silau Imperialisme British di Tanah Melayu: Langkah dan Buah". Dalam, Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (Penyunting). *Kolonialisme Malaysia dan Negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan. 1994. *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1997. *Istana dan Politik Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Kepada Penantaran Ilmu.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1999. "Perlaksanaan Peraturan dan Undang-undang dalam Kerajaan Johor". Dalam, Zainal Abidin Borhan et al. (Penyunting). *Warisan Persuratan Johor II Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2000. "Institusi Kesultanan Johor". Dalam, t.t. *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*, Jilid 4. Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- Abu Bakar A. Hamid & Md. Ismail Zamzam. 2003. *Tokoh Ternama Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Abu Talib Ahmad. 1990. "Imperialisme Jepun dan Kemerdekaan Burma: Satu Penilaian Semula". Dalam, Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (Penyunting). *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abu Talib Ahmad. 2000. *Sejarah Myanmar*. Seri Kembangan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Talib Ahmad. 2000. "Perkahwinan dan Penceraian di Johor, 1942-1945. Satu Aspek Sejarah Sosial Zaman Jepun". Dalam, Mahani Musa & Tan Liok Ee (Penyunting). *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia (Esei Sumbangan kepada Dr Cheah Boon Kheng)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abu Talib Ahmad. 2003. *Malay-Muslims, Islam and The Rising Sun: 1941-1945*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. 2009. *Ulama Besar dari Patani*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Anbalakan Kailasam. 1996. "Individu dalam Sejarah: Satu Analisis". Dalam, Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (Penyunting). *Alam Pensejarahan daripada Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, L. Y. (Terjemahan oleh Shamsudin Jaafar). 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, B. 1978. "Studies of the Thai state: The state of Thai studies." Dalam, E. B. Ayal (Peny.). *The Study of Thailand: Analysis of Knowledge, Approaches and Prospects in Anthropology, Art History, Economics, History and Political Science*. Athens: Ohio University.
- Badriyah Haji Salleh. 2000. "Pembendungan Kuasa Barat: Kolonialisme dan Pentadbiran British di Johor". Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000.
- Buyong Haji Adil. 1980. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Caroline Wong May Leng. 1992. *Sistem Kangcu di Johor, 1844-1917*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.



- Cheah Boon Kheng. 1990. "Imperialisme dan Kolonialisme: Beberapa Pandangan". Dalam, Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (Penyunting). *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Eman Mohamed Abbas. 2002. *Sultan 'Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah (Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Emerson, R. 1974. *Malaysia: Satu Pengkajian dalam Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadhullah Jamil. 2000. *Islam di Asia Barat Moden Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*. Selangor: Thinker's Library.
- Fieldhouse, D. K. 1967. *The Colonial Empires: A Comparative Survey from The Eighteenth Century*. London: Palgrave Macmillan.
- Gullick, J. M. 1992. *Rulers and Residents: Influence and Powers in Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press.
- Hall, D. G. E. 1979. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. 2010. *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hobson, J. A. 1971. *Imperialism: A Study*. Madison: The University of Michigan Press.
- Hooker, V. M. (Penyunting). 1998. *Tuhfat al-Nafis Karangan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Che Daud. 1992. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Jabatan Pelajaran Johor. t.t. *Sejarah Sekolah-sekolah Johor*. Johor Bahru: Diterbitkan atas Arahan.
- Karsh, Efraim. 2006. *Islamic Imperialism: A History*. New Haven: Yale University Press.
- Khoo Kay Kim. 1980. "Perkembangan Pelajaran Agama Islam". Dalam, Awang Had Salleh (Penyunting). *Pendidikan ke Arah Perpaduan Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kiernan, V. G. 1974. *Marxism and Imperialism*. London: Edward Arnold.
- Kratoska, P. H. (Penyunting). 1983. *Honourable Intentions Talks on British Empire in South East Asia delivered at the Royal Colonial Institute 1874-1928*. Singapore: Oxford University Press.
- Mardiana Nordin. 2009. "Sistem Penggantian Kesultanan Johor". Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mardiana Nordin. 2009. "Perpecahan Kerajaan Johor Riau 1819-1824". Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Mills, L. A. 1966. *British Malaya 1824-1867*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman. 2013. "Peranan Jabatan Agama Islam dan Agensi Kerajaan di Negeri Johor dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Sewaktu Pemodenan Johor, 1862-1941". *Jurnal Sejarah*. No, 22, Bil. 2.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. 2011. *Ahli Sunnah Wal Jamaah: Penyerapan Unsur-unsur Akidah yang Mengelirukan dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Johor Bahru: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Nabir Abdullah. 1990. "Imperialisme Budaya: Peranan Mubaligh Kristian di Tanah Melayu dan Singapura Sebelum Merdeka". Dalam, Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (Penyunting). *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Nadel, George H. dan Curtis, Perry. 1964. *Imperialism and Colonialism*. New York: Macmillan.
- Rahimah Abdul Aziz. 1997. *Pembaratan Pemerintah Johor (1800-1945): Suatu Analisa Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. 2009. "Perubahan dan Pembaratan Struktur Pentadbiran Negeri Johor". Dalam, *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid II. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Scott, James C. 1977. *The Moral Economy of The Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia*. New Haven: Yale University Press.
- S. M. Naquib Al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. M. Naquib al-Attas. 1973. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- S. M. Naquib Al-Attas. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Saadiah Said. 1977. "Kegiatan Keluarga Alsagoff dalam Ekonomi Negeri Johor 1878-1906". *Jebat*, Jil. 07-08.
- Schroeder, Paul W. 1994. *The Transformation of European Politics 1763-1848*. Oxford: Clarendon Press.
- Sinclair, K. 1967. "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy Towards British Concessionaires and Investors". *Modern Asian Studies*, Vol. I, Part. 4.
- Sugimoto, Ichiro. 2011. *Pentadbir Kewangan Kolonial Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suntharalingam, R. 1990. "Teori Marx, British di India dan Imperialisme serta Kolonialisme". Dalam, Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (Penyunting). *Kolonialisme Di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

- Swettenham, F. A. 31 March 1896. "British Rule in Malaya". Dalam, Paul Kratoska (ed.). 1983. *Honourable Intentions: Talks on the British Empire in South-East Asia Delivered at the Royal Colonial Institute, 1874-1928*. Singapore: Singapore University Press.
- Syed Hussain Al-Attas. 1989. *Mitos Peribumi Malas: Imej orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam Kapitalisme Penjajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah (Pent.). 2010. *Pengembaraan Ibn. Battutah*. Jilid I. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- t.t. *Sejarah Perkembangan Jabatan dan Majlis Agama Islam Johor*. Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.
- Tarling, N. 1969. *British Policy in Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. 1932. "History of Johore 1365-1895". *JMBRAS*, Vol. X, Part 3.
- Winstedt, R. O. 1979. *A History of Johore (1365-1895 A.D.)*. Kuala Lumpur: Art Printings Work.
- Yegar, Moshe. 1979. *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press.
- Zaide. G. F. 1972. *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Tesis dan Latihan Ilmiah**

- A. Rahman Tang Abdullah. 2007. "Interpreting Abu Bakar The Ruler of Johor (1862-1895): The Reconstruction of Selected Issues". Tesis Doktor Falsafah. School Oriental and African Studies, University of London.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman. 2014. "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957." Tesis Sarjana Sastera. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Wahidah binti Fauzi. 2012. "Ulama Arab Hadhrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir Bin Muhsin Al-'Attas dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad". Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.

### **Biodata Pembentang**

Noorilham bin Ismail yang berasal dari Kota Tinggi, Johor Darul Takzim dan pelajar tahun pertama Ijazah Sarjana (Sejarah) Universiti Sains Malaysia. Minat dan kecenderungan dalam sejarah antarabangsa.